



COMMUNICATIONS AND
MULTIMEDIA CONTENT FORUM OF MALAYSIA
Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia

DI SEBALIK WAJAH

ADAKAH kelakuan kita di alam siber berbeza dengan perwatakan sebenar di alam nyata? Pernahkah kita berubah menjadi seseorang yang berbeza dari segi kelakuan di depan komputer, telefon pintar atau apa-apa sahaja alat telekomunikasi yang lain?

Individu yang berperwatakan sebegini kebiasaannya berniat untuk menyerang orang lain ketika berada dalam talian. Akaun media sosial tanpa nama ataupun palsu dicipta untuk menyebarkan kandungan atau mesej yang tidak baik. Kelakuan sebegini berpotensi untuk membawa kepada ancaman buli siber. Buli siber ini jika dilihat secara keseluruhannya seakan-akan menyamai seperti buli fizikal, tetapi yang membezakannya adalah pendera lebih cenderung untuk menyembunyikan identiti mereka daripada dikenali.



Perbuatan mengancam atau memalukan seseorang secara dalam talian merupakan buli siber.



Pembuli siber lebih cenderung untuk menyembunyikan identiti mereka.

Buli siber didefinisikan sebagai perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang secara dalam talian. Mereka menyerang atau membuli pelbagai cara sehingga memberikan kesan negatif terhadap mangsa. Perbuatan mereka ini lebih kepada penderaan secara emosi berbanding fizikal. Mereka menggunakan pelbagai jenis platform dalam talian, termasuklah media sosial dan aplikasi laman sembang.

Dalam satu kajian oleh Dr. Vimala Balakrishnan, Pensyarah Kanan Universiti Malaya, sebanyak 70 peratus daripada 399 responden yang berusia 17 hingga 39 tahun mengaku telah menyaksikan kejadian buli siber tanpa mengambil sebarang tindakan dan hanya berdiam diri. Sebanyak 44 peratus daripada responden itu mengaku telah menjadi mangsa buli, malah 35 peratus pula mengaku pernah menjadi pembuli. Berdasarkan statistik ini, kira-kira seorang daripada setiap tiga orang pengguna media sosial merupakan

pembuli siber. Persoalannya, adakah kita tergolong dalam kumpulan ini?

Atas dasar itu, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) melancarkan satu kempen yang dikenali sebagai "Di Sebalik Wajah". Idea asal kempen ini bermula setelah melakukan pemerhatian terhadap pengguna internet yang mempunyai perwatakan yang berbeza apabila mereka berada dalam talian. Di alam nyata, tutur katanya penuh lembut dan sopan berbanding ketika berada dalam talian. Dengan berlindungan



Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) merupakan organisasi yang dilantik oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sebagai biro aduan yang menjadi tempat rungutan pengguna berhubung kandungan yang berkaitan dengan perantaraan rangkaian elektronik.

skrin komputer mahupun telefon pintar, mereka seolah-olah bebas untuk melemparkan cacian dan makian kepada orang lain tanpa rasa bersalah.

Di samping itu, golongan ini juga dilihat menggunakan medium elektronik untuk menyebarkan maklumat palsu, di mana sumber dan fakta tidak diketahui kesahihannya. Apa-apa sahaja berita yang diterima, tidak kira di media sosial ataupun di laman sesawang, disebarkan tanpa usul periksa. Mereka mahu menjadi orang pertama yang berkongsi berita tersebut dan mendapatkan like semata-mata.

Justeru itu, kempen Di Sebalik Wajah ini bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan mengamalkan etika yang baik ketika berada dalam talian. Melalui kempen ini, kita dapat mengenali perilaku buruk orang lain termasuklah diri kita sendiri. Sekurangnya kita mempunyai kesedaran dan tidak memilih untuk menderita dalam kesunyian setelah mengetahui sama ada kita menjadi pembuli atau pun mangsa buli.

Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang tanggungjawab dalam mencipta atau berkongsi sesuatu kandungan serta memahami impak negatif buli siber. Kanak-kanak terutamanya perlu sentiasa dipantau dan diberikan nasihat tentang penggunaan internet yang betul. Hubungan yang harmoni antara ahli keluarga amat perlu supaya minda kanak-kanak tersemat dengan nilai kasih sayang dan perکارa yang positif.